



PEMBERITAHUAN

PERMOHONAN LESEN BAHARU PERKHIDMATAN KURIER KINI DIBUKA SEMULA

CYBERJAYA, 16 September 2022 -- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) ingin memaklumkan permohonan lesen baharu perkhidmatan kurier bagi semua kategori akan dibuka pada 16 September 2022 dan syarikat-syarikat yang berkelayakkan kini boleh mengemukakan permohonan bagi lesen baharu bagi pertimbangan pihak MCMC.

Keputusan ini dibuat susulan penamatan tempoh pembekuan pemberian lesen baharu perkhidmatan selama dua (2) tahun menerusi kuasa pelesenan di bawah Akta Perkhidmatan Pos 2012.

Penilaian permohonan baharu akan turut memberi penekanan terhadap teknologi hijau seperti penggunaan kenderaan elektrik diperingkat penghantaran capaian akhir (last-mile delivery) dan e-konsainmen. Keperluan untuk menyediakan perkhidmatan kurier yang mesra alam juga akan di laksanakan kepada pemain-pemain kurier sedia ada secara berperingkat bagi memastikan sektor kurier di Malaysia berada pada landasan yang betul selari dengan agenda hijau dan komitmen Kerajaan mengenai alam sekitar.

Pihak MCMC ingin mengingatkan setiap pemohon perlu menjalankan usaha wajar sebelum mengemukakan permohonan bagi memastikan mereka bersedia untuk bersaing dalam pasaran yang amat kompetitif.

Syarikat yang berminat untuk membuat permohonan boleh mendapatkan butiran lanjut di laman sesawang berikut:

<https://www.mcmc.gov.my/ms/sectors/postal-courier/licensing>

www.mcmc.gov.my